

03 OCT 2002

Mahathir-minyak/I

BERSATU DAN GUNAKAN MINYAK SEBAGAI "SENJATA", MAHATHIR SERU NEGARA-NEGARA ISLAM

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

MELAKA, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru negara-negara Islam terutamanya mereka di dalam Opec supaya tidak bersengketa di kalangan mereka sendiri tetapi bersatu dan menggunakan minyak sebagai "senjata" untuk mempertahankan Ummah.

"Minyak adalah satu-satunya benda yang orang Islam ada yang diperlukan oleh seluruh dunia," kata Perdana Menteri.

"Mereka boleh menentukan bekalan. Jika mereka kurangkan bekalan, maka orang tidak akan menekan mereka.

Bagaimanapun, beliau mengeluh yang negara-negara Islam bersengketa sesama sendiri dan dalam proses itu menjadi tidak efektif walaupun mempunyai kuasa ke atas minyak.

"Bila satu pihak mahu kurangkan bekalan, pihak satu lagi akan tambah bekalan (sama ada) secara sah atau tidak sah."

Akibatnya, mereka tidak boleh menggunakan minyak sebagai senjata untuk memperthankan umat Islam, beliau memberitahu persidangan akhbar selepas merasmikan Konvensyen Melayu dan Islam Dunia ketiga di Tanjung Keling di sini hari ini.

Apabila ditanya sama ada masanya tepat bagi Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Opec) menggunakan minyak sebagai "senjata" untuk mempertahankan umat Islam sebagai beliau sarankan, Perdana Menteri berkata bahawa Opec tidak keseluruhannya terdiri daripada negara-negara Islam.

"Terdapat banyak negara bukan Islam terbabit dengan Opec. Jadi, terserah kepada negara-negara Islam untuk melakukan apa yang mereka boleh lakukan," tegas Dr Mahathir.

Opec adalah sebuah pertubuhan antarabangsa 11 negara pengeksport minyak yang bergantung kuat kepada hasil minyak untuk pendapatan mereka.

Anggota-anggotanya sekarang adalah Algeria, Indonesia, Iran, Iraq, Kuwait, Libya, Nigeria, Qatar, Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Venezuela.

Anggota-anggota Opec secara kolektif membekal kira-kira 40 peratus daripada pengeluaran minyak dunia, dan memproses lebih tiga suku daripada seluruh rizab minyak mentah terbukti di dunia.

Menteri-menteri minyak dan tenaganya bermesyuarat dua kali setahun atau lebih bila perlu, untuk memutuskan mengenai paras pengeluaran pertubuhan itu dan menimbangkan sama ada sebarang tindakan untuk mengubah suai pengeluaran perlu berasaskan kepada perkembangan pasaran minyak semasa dan dijangka.

Ditanya sama ada beliau bersetuju dengan hujah yang niat Presiden George W. Bush dari Amerika untuk menakluki Iraq ada kaitan dengan mengawal bekalan minyak, Dr Mahathir berkata: "Hakikatnya ialah bahawa Iraq adalah negara pengeluar minyak tetapi lebih penting saya fikir ia adalah Afghanistan."

Dr Mahathir berkata ini adakah kerana minyak dari Asia Tengah tidak akan sampai ke laut tanpa melalui Afghanistan.

"Jadi terdapat beberapa orang yang berkata bahawa sebab bagi permusuhan terhadap Afghanistan adalah kerana mereka anggan membenarkan talian paip dibina melalui negara itu," tambah beliau.

-- BERNAMA

AFY MKO SD OS